

**Rakyat Malaysia perlu bersama Chong Wei – Najib**  
**Utusan Online**  
**4 Ogos, 2012**

PEKAN 4 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, seluruh rakyat Malaysia perlu bersama-sama Datuk Lee Chong Wei dalam usaha beliau meraih pingat emas pertama negara pada Sukan Olimpik.

Najib berkata, Chong Wei yang layak ke final acara perseorangan badminton selepas menewaskan pemain China, Chen Long 21-13, 21-14 dilihat mempunyai kekuatan mental dan emosi bagi menggenggam emas negara.

Chong Wei akan bertemu musuh tradisinya Lin Dan pada final esok selepas pemain itu menewaskan pemain Korea Selatan Lee Hyun pada satu lagi aksi separuh akhir.

"Rakyat Malaysia akan memberi sokongan dan semangat dan saya katakan pada dia buatlah, menanglah untuk Malaysia, lakukannya untuk Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan zakat pada golongan asnaf bagi Parlimen Pekan di sini hari ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Najib berkata, Chong Wei mempunyai peluang yang cukup besar untuk meraih pingat emas pertama serta cukup kuat mental dan emosi untuk menghadapi cabaran Lin Dan.

Sementara itu, Rosmah akan berlepas ke London malam ini untuk memberi semangat kepada Chong Wei.

Beliau yang juga penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) meminta semua rakyat Malaysia turut sama berdoa agar Chong Wei berjaya mencapai kemenangan esok.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120804/dn\\_22/Rakyat-Malaysia-perlu-bersama-Chong-Wei---Najib](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120804/dn_22/Rakyat-Malaysia-perlu-bersama-Chong-Wei---Najib)